

# Topeng muka diberi percuma

Antara sumbangan kerajaan kepada rakyat: PM

Oleh Rafidah Mat Ruzki,  
Rohaniza Idris, Mohd Iskandar  
Ibrahim dan Muhammad Yusri  
Muzamir  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Putrajaya:** Kerajaan bersetuju mengagihkan topeng muka kepada rakyat secara percuma dalam menghadapi krisis COVID-19 sebaik bekalan keperluan itu yang diimport dari China tiba di negara ini, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, kira-kira 10 juta topeng muka akan diimport dari China bagi tujuan berkenaan, iaitu antara sumbangan kerajaan kepada rakyat.

Katanya, beliau sudah mengarahkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kelmarin supaya menggunakan peruntukan disediakan kerajaan untuk membawa masuk bekalan keperluan itu.

"Saya difahamkan, harga sekeping adalah RM1.18 dan saya ingin mengumumkan topeng terbabit akan diagihkan secara percuma kepada rakyat selepas bekalan diterima," katanya pada sidang media yang disiarkan secara langsung dari Putrajaya, semalam.

Muhyiddin berkata, pada mesyuarat Majlis Keselamatan Ne-

gara (MKN) kelmarin, beliau juga meminta Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berbincang dengan pengeluar mengenai harga topeng muka.

Perbincangan itu, katanya, bertujuan meneliti semula harga kawalan yang ditetapkan sebelum ini agar ia tidak terlalu tinggi dan berharap dalam situasi krisis kesihatan ketika ini, pengeluar dapat memastikan bekalan mencukupi dan dijual pada harga berpatutan.

"Saya sudah mengeluarkan arahan dan berharap pengusaha kilang bersetuju. Yang kedua, kerajaan sudah meminta kilang tempatan, ada empat atau lima pengeluar dalam negara untuk

terus membekalkan topeng muka dengan mencukupi.

"Saya difahamkan, mereka masih berhadapan masalah mendapatkan bekalan bahan mentah untuk menghasilkan topeng yang sebahagian besarnya diimport, tetapi kita berharap mereka dapat menyelesaikan perkara ini."

"Kapasiti pengeluaran topeng dalam negara, saya dimaklumkan antara dua juta hingga tiga juta keping setiap bulan dan jika ia boleh diteruskan, saya percaya ia lebih daripada mencukupi. Kastam juga sudah memutuskan supaya eksport topeng muka tidak dibenarkan," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan pada sidang media yang turut disiarkan secara langsung, memaklumkan kerajaan bersetuju untuk menurunkan harga topeng muka ke satu harga baharu yang akan ditetapkan dalam masa terdekat.

Katanya, KPDNHEP akan berbincang segera dengan pihak industri bagi tujuan itu kerana harga siling RM2 yang ditetapkan sebelum ini terlalu mahal.

"Harga RM2 (sekeping) adalah terlalu mahal, maka Mesyuarat Khas Menteri-Menteri berhubung Perintah Kawalan Pergerakan hari ini (semalam) bersetuju harga perlu diturunkan. Jadi, saya jangka dalam waktu terdekat, KPDNHEP perlu segerakan (harga baharu) agar kita boleh buat pengumuman."

"Yang penting, (harga topeng muka) mesti bawah RM2," katanya.

*Saya difahamkan, harga sekeping adalah RM1.18 dan saya ingin mengumumkan topeng terbabit akan diagihkan secara percuma kepada rakyat selepas bekalan diterima.*

**Muhyiddin Yassin,**  
Perdana Menteri



**Ismail Sabri meninjau penugasan anggota polis dan tentera yang membuat pemeriksaan kendaraan di Jalan Ampang, Kuala Lumpur, semalam.**  
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali /BH)